

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : **24.05.2016 (SELASA)**

NO. SOALAN : **112**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membangunkan kawasan luar bandar "The Rejang Basin" di kawasan Parlimen Kanowit ke Parlimen Kapit dan Hulu Rajang memandangkan akses / jalan raya ke kawasan tersebut akan siap dibina dalam dua tiga tahun akan datang.

JAWAPAN :

Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Program Jalan Luar Bandar (JALB), Kementerian ini sedang melaksanakan Projek Jalan Perhubungan Kanowit- Song-Kapit secara berperingkat yang menghubungkan Parlimen Kanowit, Parlimen Kapit dan Hulu Rajang sepanjang 86km dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM788 juta. Projek ini dijangka akan siap sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, sememangnya adalah menjadi tanggungjawab Kementerian ini untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan lain-lain kemudahan untuk membangunkan kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, perancangan untuk pembangunan sesuatu kawasan seperti *The Rejang Basin* adalah di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 24.5.2016

SOALAN :

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dari segi statistik jumlah guru yang diluluskan permohonan untuk bertukar sehingga Januari 2016 dan berapa bilangan guru yang telah ditukar setakat Mei 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjalankan proses pertukaran guru berdasarkan permohonan pertukaran oleh guru itu sendiri dan kelulusan bergantung kepada kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen di negeri yang dipohon.

Sehubungan dengan itu, bagi sesi pertukaran Januari dan Mac 2016, KPM telah meluluskan sebanyak 4,814 permohonan pertukaran guru.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : **24 MEI 2016 (SELASA)**

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk menyelesaikan lompang undang-undang akibat pindaan Perkara 121 pada tahun 1988 sehinggakan berlaku kekeliruan dalam bidang kuasa mahkamah, khususnya dalam kes Syariah yang melibatkan bukan muslim.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menurut Fasal (1A) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan yang mula berkuat kuasa pada 10 Jun 1988, Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah.

2. Antara tujuan Fasal (1A) dimasukkan ke dalam Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan adalah untuk menjamin kewibawaan mahkamah Syariah. Ini kerana sewajarnya mahkamah Syariah diberi kuasa penuh untuk menentukan dan memutuskan perkara-perkara yang termasuk dalam bidang kuasanya, terutamanya perkara-perkara yang melibatkan Hukum Syara'.

3. Kedudukan ini juga telah pun diputuskan oleh mahkamah dalam beberapa kes seperti kes Mohamed Habibullah bin Mahmood lwn. Faridah bte Dato Talib [1992] 2 MLJ 793, Soon Singh a/l Bikar Singh lwn. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor [1999] 1 MLJ 489 dan Lina Joy lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain [2007] 4 MLJ 585.

4. Berdasarkan autoriti-autoriti di atas, adalah jelas bahawa Fasal (1A) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan tidak menimbulkan pertindihan bidang kuasa antara mahkamah sivil dan mahkamah Syariah serta tidak wujud kelompangan undang-undang. Perkara ini telah diperjelas oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Latifah bte Mat Zin lwn. Rosmawati bte Sharibun & Anor [2007] 5 MLJ 101 seperti yang berikut:

“Actually if laws are made by Parliament and the Legislatures of the States in strict compliance with the Federal List and the State List and unless the real issues are misunderstood, there should not be any situation where both courts have jurisdiction over the same matter or issue. It may be that, as in the instant appeal, the granting of the letters

of administration and the order of distribution is a matter within the jurisdiction of the civil court but the determination of the Islamic law issue arising in the petition is within the jurisdiction of the syariah court.

But, these are two distinct issues, one falls within the jurisdiction of the civil court and the other falls within the jurisdiction of the syariah court. Still, there is a clear division of the issues that either court will have to decide. So, there is no question of both courts having jurisdiction over the same matter or issue."

5. Berhubung dengan hal-hal yang berbangkit daripada penukaran agama, cadangan pindaan secara pakej kepada Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] telah disediakan bagi menangani apa-apa isu sekiranya terdapat pertindihan bidang kuasa antara mahkamah sivil dan mahkamah Syariah.

Sekian, terima kasih.